

09 MAR 1999

Sabah-PAS

PAS MAHU JADI PEMBANGKANG BERKESAN DI SABAH

SANDAKAN, 9 Mac (Bernama) -- PAS mahu menjadi pembangkang yang berkesan dalam Dewan Undangan Negeri Sabah selepas memenangi kesemua enam kerusi yang ditandinginya dalam pilihan raya negeri pada Jumaat dan Sabtu ini.

Presiden PAS Datuk Haji Fadzil Noor berkata pembangkang yang berkesan amat diperlukan dalam Dewan Undangan Negeri Sabah sebagai pengawas agar kerajaan negeri tidak menyalah guna kuasa dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

"Sekarang ini tidak ada pembangkang, yang ada sekarang semua parti yang meletakkan calon mereka melebihi separuh daripada semua kawasan dengan harapan untuk membentuk kerajaan," katanya kepada pemberita setibanya di sini untuk berkempen bagi calon PAS di bahagian Sandakan.

Fadzil berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah menyatakan bahawa Kelantan memerlukan pembangkang ketika PAS bersama rakan-rakan dalam Angkatan Perpaduan Ummah memenangi seluruh kawasan dalam pilihan raya di Kelantan.

Katanya sambutan dan sokongan yang diterima daripada pengundi di kawasan-kawasan yang ditandingi PAS pada pilihan raya ini semakin meningkat dan parti itu yakin menang di kesemua enam kawasan itu.

Pas meletakkan calon-calon di kawasan Sukau yang ditandingi Ustaz Ridwan Baharun, Merotai (Abdurahman Ahmad), Kalabakan (Abdul Wahid Yemang), Tempasuk (Mohd Aminuddin Aling), Likas (Yahya Kassim) dan Sekong (Hamzah Abdullah).

Fadzil juga mendakwa kononnya BN menyalahgunakan kuasa dengan menggunakan agensi serta kemudahan kerajaan untuk kepentingan parti.

"Rakyat Sabah boleh menilai semua ini," katanya.

-- BERNAMA

AFY MAI